

<b>Newspaper</b>	<b>Date</b>	<b>Column/Page</b>
KOSMO!	21 Aug 2011	Online

#### **4,000 penduduk Bachok dapat bantuan raya**

BACHOK - Lebih 4,000 nelayan, petani dan warga emas di sini mendapat bantuan wang tunai berjumlah RM40,000 sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata bantuan disumbangkan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Uda Holdings Berhad, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).

"Kelantan paling banyak mendapat sumbangan daripada GLC memandangkan negeri itu mempunyai bilangan penduduk miskin terbesar di negara ini,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan zakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tawang di sini, hari ini. - Bernama